

'Mudah saja...' Begitulah anggapanku sebelum semuanya bermula, empat tahun yang lalu. Indahny fantasi, dari realiti.

Empat tahun yang lalu, aku, seperti semua ibu-ibu muda lain yang bercita-cita 'murni', ghairah untuk memberikan yang terbaik bagi anakku. Penjagaan terbaik, pakaian berjenama, kasih-sayang yang tidak berbelah-bagi dan juga yang paling penting, susu yang terbaik. Tetapi, tidak seperti mereka, aku tidak pernah menimba ilmu yang diperlukan atau bertanya pada orang-orang yang berpengalaman, hinggalah tiba masanya untuk menyusukan anak pertamaku, Adam. Mungkin ku fikir, semuanya akan datang padaku secara semulajadi. 'Naluri keibuan' akan datang membantuku.

Adakah semudah itu pada permulaannya? Indah khabar dari rupa. Salah siapa kalau bukan salah sendiri kerana terlalu mengambil mudah akan perkara ini. Semuanya ku buat sendiri, betul atau salah tiada di fikiran. Lebih merumitkan keadaan, tiada siapa dikelilingi yang boleh menolong atau mengajarku cara-cara yang betul. Tiada bantuan atau sokongan. Tiada kata-kata peransang yang boleh membantu menaikkan semangat ku dimasa-masa kemurungan. Suamiku sajalah seorang yang menyokong, sedang yang lain semua menentang.

Sebelum bayiku dilahirkan, tidak sekali pun terlintas yang aku tidak dapat melahirkan secara normal. Segala yang indah bermain di fikiran. Bayiku akan selamat dilahirkan, sihat lagi comel. Sejurus selepas itu, akan ku dakap bayiku yang putih dan gebu itu serapatnya, tetapi hajatku tidak kesampaian. Aku terpaksa melalui pembedahan kecemasan kerana bayiku sudah mengeluarkan najisnya didalam uterusku. Aku cuma dapat melihat bayiku sejam selepas pembedahan tersebut berlalu. Sebagai seorang ibu muda, aku langsung tidak bersedia dengan situasi terbaru ku itu dan tidak dapat membayangkan apa yang menanti ku kelak. Apabila kesan dari ubat bius itu perlahan-lahan hilang, aku dilanda kesakitan yang amat sangat. Segala impian untuk mendakap bayiku dan menyukannya hilang dibawa angin.

Pada tahun 2001, bayi-bayi tidak biasanya dibenarkan tidur bersama ibu, terutamanya di hospital-hospital swasta. Para jururawat terpaksa membawa masuk bayiku di dalam katil berodanya pada setiap waktu menyusui. Mesti pada pandangan mereka aku ni leceh, tetapi aku tidak peduli. Fikiranku, biar mereka bekerja lebih, terutamanya dengan bayaran yang terpaksa ku hulurkan. Kali pertama ku menyusukan bayiku, boleh dikatakan aku melakukannya dengan hati yang berat, terutamanya dalam keadaanku yang sakit ini dan juga kerana kurang ilmu pengetahuan. Aku tidak berdaya untuk bangun. Jadi ku teruskan dalam posisi baring. Malangny, dalam keadaan itu pun aku masih dalam kesakitan. Tetapi aku bernasib baik kerana adanya seorang jururawat yang berpengalaman disitu yang telah menolong ku mengharungi pengalaman pahit ku ini. Dia kelihatannya bersungguh-sungguh ingin menolongku untuk berjaya dalam proses penyusuan. Ku rasa orang lain tidak kisah sedikit pun sekiranya aku menyusui ataupun tidak.

Selepas aku dibenarkan pulang, dugaan ku di rumah pula bermula. Kini ku sendirian. Ibuku sendiri tidak mahu ku meneruskan harapanku itu. Aku tahu dia cuma inginkan yang terbaik bagiku dan mahu ku berehat memandangkan keadaanku yang sentiasa lemah. Dia merasa kasihan melihatku menyusukan anakku dalam situasi yang serba tak kena itu. Dalam kepenatan, timbul pelbagai perasaan....rasa resah, sedih, marah dan macam macam lagi! Aku juga sering menangis sehinggakan ibu bapakku menyangka aku mengalami masalah "postnatal depression". Oh, sungguh banyak dugaan yang ku tanggung ketika itu! Tanpa tempat untuk bergantung, akhirnya aku tumbang pada kehendak mereka dan mula memberikan anakku susu formula. Sehingga ke hari ini aku masih menyesali keputusan ku yang terburu-buru itu.

Aku juga mula mengepam susu supaya anakku boleh disusukan terus dari botol, tidak lagi bergantung pada tubuhku yang kering. Ini berterusan selama lebih dari seminggu dan dalam waktu itu, aku dapat merasakan yang susu telah mula berkurangan. Aku kebingungan kerana tidak dapat mencari punca kenapa ia berlaku. Tetapi, pada masa yang sama, jiranku menghadihkan sebuah buku mengenai penyusuan. Kebetulan minggu itu juga adalah minggu Menyusu Sedunia. Jadi pemberian tersebut memang tepat pada masanya. Aku mula membaca buku itu dengan tekun, dan di situlah bermulanya perjalanan yang sungguh membahagiakan hidupku. Aku mula menyedari segala kesilapan yang telah ku lakukan dan timbul kekesalan yang terlalu dalam dari hatiku hingga menyebabkan aku menitikkan airmata. Suamiku menjadi tempat ku meluahkan perasaan dan dia juga pemberi semangat untuk ku teruskan niat ku yang suci itu. Tetapi, dihatiku terfikir, adakah sudah terlambat untuk ku perbetulkan keadaan? Ternyata Tuhan menyambut baik hajat ku ini.

Sejak dari itu, tiada lagi jalan berpatah balik bagi ku. Aku bersungguh-sungguh bekerja untuk membanyakkan kembali susu dan juga membuat persiapan untuk kembali bekerja. Bukannya mudah, tetapi aku kini lebih yakin dengan diri sendiri dan dengan apa yang aku lakukan, terutamanya setelah aku bekalkan diri sendiri dengan pengetahuan yang berguna. Aku juga tidak rasa yang kaum ibu seharusnya rasa bersalah jika mereka tidak berjaya menyusukan anak mereka. Tetapi mereka haruslah memastikan yang mereka dapat pertolongan dan pengetahuan yang secukupnya sebagai persediaan diri, terutamanya pada waktu-waktu awal setelah bayi mereka lahir. Yang paling penting ialah sokongan suami.

Aku berhempas pulas untuk mengumpul stok susu. Apabila mula bekerja, cabaran lain pula yang ku alami. Anakku Adam ternyata seorang bayi yang kuat minum. Bermati-matian aku mengepam ketika di pejabat. Kehulur-kehilir, tidak mengira tempat ku bawa beg berisi pam dan "cooler box" ku itu. Ramai yang bertanya apa yang kubawa. Aku sering menunjukkan kepada mereka. Ada yang terkejut, tergelak, terdiam dan macam-macam lagi. Pernah aku terpaksa berkejar ke kafeteria di tempat kerjaku untuk mendapatkan ais kerana aku terlupa untuk membawa "chiller brite ice" ku. Sehingga ke hari ini, mereka memerli aku. Aaaagh.....aku selamba. Aku juga pernah megepam ketika memandu kereta untuk mengurangkan bengkak dan juga untuk megejar masa kerana ketika itu aku tersangkut di dalam "traffic jam" yang amat teruk di KL. Ku sangkakan itu kerja gila, rupa-rupanya ada ibu-ibu lain yang pernah mengalami nasib yang sama.

Ya, mungkin kami golongan ibu-ibu yang “gila”. Gila kerana sanggup melakukan apa sahaja asalkan si kecil dapat yang terbaik. Biarlah mama susah, biarlah mama penat, biarlah mama kena saman dengan polis sekalipun kerana “memandu sambil mengepam”. Biarlah.....

(Nasihat: Tolong jangan memandu sambil mengepam (“I know I did it but it really is crazy”)

Akhirnya, aku berjaya menyusukan Adamku sehinggalah dia berumur 1 tahun dan 3 bulan. Dia sendiri berhenti menyusukan setelah aku mengandungkan anakku yang kedua, Alysha. Kini aku berbangga untuk menyatakan yang pengalamanku dengan anakku yang kedua ini lebih mudah dan amat berjaya. Aku lebih bersedia dari segi fizikal mahupun mental. Keranaku tahu yang aku akan menjalani pembedahan sekali lagi, aku telah mendapatkan satu tali pinggang khas (“support belt”) untuk membantuku semasa mengandungi dan selepasnya untuk mengurangkan tekanan dari perutku. Aku juga mendapatkan satu bantal menyusukan (“nursing pillow”) yang dapat memudahkan aku menyusukan tanpa berat anakku di perut. Bantal itu memang banyak menolong. Untuk memudahkan lagi kerja mengepam, aku telah membeli “pam canggih” yang ternyata lebih berkesan. Tetapi sudah tentu ada cabaran-cabaran lain yang menanti, kerana setiap pengalaman itu berbeza. Tetapi aku yakin aku dapat mengharunginya kali ini. Dan aku berjaya. Alysha berjaya aku susukan secara eksklusif selama 7 bulan, dan seterusnya hingga kini. Dia seorang bayi yang sihat, cerdas dan montel macam “teletubbies”.

Betul bak kata orang, menyusukan itu datangnya dari pengalaman dan dari pengetahuan. Kita hanya akan jadi lebih baik dengan pengalaman. Tanpa pengorbanan, jangan bicara tentang perjuangan, dan usah angankan kejayaan.

*Hasil Nukilan: Rita Rahayu Omar (29+ tahun)
Ibu kepada Adam (3+ thn), Alysha (1 ½ tahun)*